

16 FEB 2002

MTUC-Pekerja/I

MAJIKAN MALAYSIA DIKECAM KERANA ABAIKAN PEKERJA TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini mengecam majikan di negara ini kerana mengabaikan pekerja tempatan dalam keghairahan mereka untuk cuba mengeksploitasi tenaga kerja murah dari negara jiran.

"Mereka tidak mahu mengambil pekerja tempatan kerana perlu membayar lebih, ini memerlukan mereka mengeluarkan lebih banyak belanja dan menyebabkan syarikat tidak boleh mengaut keuntungan jadi mereka memilih mengambil pekerja asing yang murah," kata presiden MTUC Senator Zainal Rampak hari ini.

Beliau berkata malahan dalam mengambil pekerja asing, majikan Malaysia juga bersikap memilih kerana mereka tidak mahu mengambil pekerja dari negara-negara bekas blok Soviet kerana gaji yang perlu dibayar kepada pekerja ini lebih tinggi berbanding yang perlu dibayar kepada pekerja dari negara-negara seperti Bangladesh dan Indonesia.

"Kami telah menyatakannya sebelum ini dan kini mengulangnya sekali lagi, majikan sepatutnya hanya dibenarkan mengambil pekerja asing bagi industri pertanian dan pembinaan dan itupun perlu dibuat berdasarkan antara kerajaan dengan kerajaan dan bukannya melalui agensi pekerjaan," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Kesatuan Sekerja Pegawai Bumiputra-Commerce Bank Bhd di sini.

Beliau berkata pekerja asing juga perlu dibenarkan menganggotai kesatuan sekerja bagaimanapun tidak boleh memegang jawatan dalam kesatuan kerana mereka bukan rakyat negara ini.

"Apabila menjadi anggota kesatuan sekerja, mereka mesti dibayar mengikut Perjanjian Bersama antara syarikat dan pekerja, ini akan menghentikan perbuatan mengeksploitasi pekerja dan nama negara juga akan terpelihara," katanya.

Zainal berkata anggapan bahawa pekerja tempatan bersikap memilih adalah tidak benar kerana pekerja negara ini bukan memilih pekerjaan tetapi gaji yang ditawarkan kepada mereka.

"Sudah tentu seorang rakyat Malaysia tidak akan menerima RM350 sebagai gajinya dan sebab itulah MTUC mencadangkan gaji minimum RM900 bagi pekerja tempatan. Jika majikan boleh membayar sebanyak ini, maka pekerja tempatan tentu gembira bekerja untuk mereka," katanya.

Beliau berkata, pekerja asing kini menghantar pulang ke negara asal mereka hampir RM3 bilion setiap tahun dan ini bertentangan dengan dasar kerajaan yang menggalakkan rakyat membelanjakan wang di dalam negara berikutan krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

Majikan Malaysia sepatutnya mencontohi Persekutuan Majikan Jepun yang menggesa anggotanya agar tidak membuang pekerja disebabkan oleh suasana ekonomi tetapi melatih mereka membuat sesuatu yang baru, katanya.

"Syarikat tempatan tidak bertanggungjawab dan ini berbeza dengan kesatuan sekerja di negara ini. Tidak terdapat mogok besar pekerja sejak tiga dekad lalu tetapi baru-baru ini tindakan majikan sudah agak melampaui batas," katanya.

Zainal berkata pada Januari, MTUC menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tindakan membuang pekerja secara besar-besaran dalam industri perbankan berikutan langkah penggabungan bank di negara ini.

"Dulu Bank Negara berjanji tidak akan berlaku sebarang pembuangan pekerja tapi hanya selepas dua tahun ia (pembuangan pekerja) berlaku. Pihak

pengurusan bank bongkak, skim pemberhentian sukarela dan perbuatan bank memberi kerja kepada pihak luar perlu dihentikan dengan segera," katanya.

Zainal berkata dia akan menemui Dr Mahathir sebaik beliau kembali ke tanah air pada 28 Feb bagi membincangkan cara untuk menghentikan tindakan membuang pekerja dalam industri itu.

-- BERNAMA

SR MFJ SP RON